

Misi 2057: Pandangan jauh kerajaan

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyifatkan Misi 2057 yang diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pandangan jauh untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus berkekalan, selain mengekalkan nilai budaya murni apabila negara meraikan sambutan ke-100 kemerdekaan kelak.

Pengerusi Akademi Belia, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata ketika Malaysia menyambut 50 tahun kemerdekaan tahun ini, ramai melihat ke belakang untuk merayakan kejayaan negara, tetapi hakikatnya Malaysia tidak boleh hidup dengan kejayaan masa lalu.

“Walaupun dalam 50 tahun selepas merdeka, kita mencapai kejayaan tapi ia belum mencukupi. Perdana Menteri mengajak rakyat memper tahankan dan meningkatkan kejayaan itu dengan matlamat lebih tinggi yang disasarkan pada 2057.

“Tempoh masa 2057 itu adalah tem-

poh praktikal kerana lazimnya dunia melihat dan membicarakan kejayaan ketamadunan sesuatu bangsa apabila ia dapat bertahan sekurang-kurangnya 100 tahun,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri mengumumkan Misi 2057 sebagai kesinambungan Wawasan 2020 bagi memastikan rakyat terus membangun mengikut acuan sendiri selepas Malaysia menjadi negara maju.

Misi itu, yang dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) kelmarin, memberi penekanan terhadap modal insan, pembangunan jiwa bangsa dan perpaduan kaum dalam tempoh 37 tahun Malaysia sebagai negara maju, menuju ulang tahun ke-100 kemerdekaannya.

Pemangku Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BN-BBC), Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, berkata Perdana Menteri mahu melahirkan generasi berilmu dan bermaruah melalui pendekatan modal insan sebagai kunci utama

memacu kesejahteraan.

“Adalah penting ia dimulakan sekarang agar remaja masa kini yang bakal mengambil alih tampuk kepimpinan di semua peringkat dan tempat, sedar akan tanggungjawab mereka bagi menjamin kesejahteraan negara yang berterusan.

“Semua lapisan masyarakat termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu berganding bahu dan bersama-sama menyahut cabaran untuk menjadi pemain dan tidak sekadar penonton dalam menjayakan Misi 2057,” katanya.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah, berkata walaupun Malaysia mencapai banyak kejayaan dalam tempoh 50 tahun, pencapaian lebih tinggi perlu disasar menggunakan acuan negara ini.

“Penting untuk menjaga dan mengekalkan momentum kemajuan negara. Banyak negara maju, tetapi menghadapi masalah sosial dan

moral kerana tidak menjaga kemajuan itu,” katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk David Chua, berkata rakyat tidak harus sekadar melihat kepada Wawasan 2020, sebaliknya melampaui 2020 untuk membawa negara ke tahap lebih tinggi.

“Misi 2057 adalah sebagai persediaan masa depan dalam mengukuhkan keupayaan menghadapi cabaran mendatang. Ia juga satu titik tolak meningkatkan budaya kerja bagi menyumbang ke tahap kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi,” katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Mohd Nardin Awang, berkata misi itu memperlihatkan perancangan teliti kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

“Sistem penyampaian sama ada dalam perkhidmatan awam atau swasta perlu ditingkatkan untuk memenuhi aspirasi Misi 2057,” katanya.

